

**Kesalahan Tanda Baca Pelajar Bukan Penutur Jati dalam Penulisan
Karangan Bahasa Melayu**
Punctuation Errors of Non-Native Speakers in Malay Language Essay Writing

Muhd Harith Izzuddin Mohamed¹
hrthzdin18@gmail.com

Sharil Nizam Sha'ri²
sharil@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Received: 15 October 2025; Published: 07 December 2025

Cite this article (APA) as:

Izzuddin Mohamed, M. H., & Sha'ri, S. N. (2025). Kesalahan Tanda Baca Pelajar Bukan Penutur Jati dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 68 - 80. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/205>

ABSTRAK

Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sering kali dituturkan oleh seseorang yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Bahasa Melayu ini dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi di Malaysia. Namun demikian, masyarakat bukan penutur jati di Malaysia masih lagi tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik sama ada dalam aspek komunikasi mahupun mengarang sesebuah penulisan karangan dalam bahasa Melayu. Penggunaan tanda baca sering kali dilupakan oleh masyarakat sama ada penutur jati mahupun penutur bukan jati semasa mengarang sesebuah penulisan. Justeru, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat perlu dititikberatkan kerana merupakan aspek penting dalam menghasilkan sesebuah penulisan bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti jenis kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Seramai 11 orang pelajar bukan penutur jati bagi Program Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia ini dijadikan sebagai sampel kajian. Data diperolehi melalui kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks karangan, dan temu bual tidak berstruktur, serta dianalisis berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dan pendekatan Gaya Dewan Edisi Keempat (2024). Hasil kajian mendapati sampel bukan penutur jati tersebut melakukan pelbagai jenis kesalahan tanda baca seperti tanda koma, tanda petik, dan tanda sempang. Faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan tersebut adalah pengaruh bahasa ibunda dan media sosial. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar bukan penutur jati untuk menguasai penggunaan tanda baca yang betul dan tepat semasa menghasilkan sesebuah penulisan bahasa Melayu.

Kata kunci: Kesalahan tanda baca, bahasa Melayu, penutur bukan jati, penulisan karangan, teori analisis kesalahan

ABSTRACT

Malay as a second language is frequently spoken by individuals who are not native speakers of the language. Malay serves as the national and official language of Malaysia. However, non-native speakers in the country still struggle to master Malay, particularly in terms of communication and essay writing. The use of punctuation marks is often neglected by both native and non-native speakers when producing written work. Therefore, the correct and precise use of punctuation marks should be emphasized, as it is an important aspect in producing effective Malay language writing. This study adopts a qualitative

approach to identify the types of punctuation errors found in Malay essays written by non-native students. A total of 11 non-native student speakers from the Bachelor of Arts in Malay Language and Linguistics program, Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, were selected as the study sample. The data were collected through library research, essay text analysis, and unstructured interviews, and were analyzed using Corder's Error Analysis Theory (1973) and the Gaya Dewan Fourth Edition (2024) framework. The findings reveal that the non-native speakers committed various types of punctuation errors such as commas, double quotation marks, and hyphens. The primary factors contributing to these errors are the influence of the students' mother tongue and social media. Therefore, the findings of this study are expected to help non-native learners in mastering the correct and accurate use of punctuation when producing written work in Malay.

Keywords: punctuation errors, Malay language, non-native speakers, essay writing, error analysis theory

PENGENALAN

Bahasa memainkan peranan penting dalam masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa ini menjadi alat komunikasi, pertuturan, dan perhubungan dalam masyarakat sama ada dalam bentuk lisan mahupun bertulis. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), mendefinisikan bahawa bahasa merupakan sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia, iaitu antara seorang individu dengan individu yang lain. Justeru, bahasa Melayu ini sering merujuk kepada suatu bahasa yang dituturkan oleh orang Melayu daripada satu generasi ke generasi lain. Secara umumnya, bahasa Melayu ini dijadikan sebagai salah satu bahasa untuk menyampaikan ilmu. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu ketika dahulu pernah dijadikan sebagai *lingua franca* di rantau Nusantara ini dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, perkembangan ilmu, perdagangan, dan sebagainya. Pernyataan tersebut disokong oleh Ridzuan Khamis (2012), yang menyatakan bahawa sejarah pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu telah membuktikan bahasa Melayu ini pernah diangkat sebagai bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara, khususnya pada zaman kemasyhuran Kesultanan Melayu Melaka.

Kini, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi di Malaysia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), menyatakan bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa yang diterima dan digunakan oleh penduduk dalam sesebuah negara yang mempunyai beberapa bahasa atau loghat yang lain. Justeru, negara Malaysia telah melakukan beberapa perancangan bahasa dan dasar tertentu untuk dijadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan pengantar antara masyarakat yang pelbagai kaum dan etnik, serta mempunyai bahasa yang berbeza-beza. Antara dasar yang dilakukan oleh negara Malaysia adalah Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Bahasa Rasmi, dan Dasar Bahasa Pendidikan. Menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2017), melalui Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Malaysia yang merupakan juga bahasa rasmi dan bahasa tersebut tidak boleh dipertikai dari segi fungsi dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan. Oleh hal yang demikian, kedudukan bahasa Melayu tidak boleh dipertikaikan oleh bangsa-bangsa lain di Malaysia sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan mengikut Akta 32 (Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67). Merujuk perkara tersebut, setiap bangsa dan etnik yang tinggal di Malaysia mesti dan wajib bertutur dalam bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dan pengantar utama antara kaum walaupun mereka mempunyai kebebasan untuk menggunakan bahasa mereka sendiri. Hal ini dijelaskan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (2017), yang menyatakan bahawa masyarakat yang pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain atau bahasa ibunda mereka seperti bahasa Mandarin oleh orang Cina dan bahasa Tamil oleh orang India, serta bahasa Melayu ini juga digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pelbagai bidang. Berdasarkan Seksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 pula, kerajaan memperuntukkan bahasa kebangsaan ini menjadi bahasa pengantar utama di setiap institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Namun begitu, pengecualian bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dikecualikan kepada sekolah jenis kebangsaan (SJK) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 (Harakahdaily, 2021). Disebabkan perkara tersebut, kebanyakan pelajar bukan penutur jati masih lagi tidak menguasai bahasa kebangsaan dalam kehidupan mereka sewaktu di rumah, sekolah, atau universiti, sekali gus menimbulkan masalah dari segi komunikasi, menulis, mengarang, dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, masyarakat bukan Melayu pada hari ini masih lagi tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini demikian kerana terdapat gangguan bahasa, iaitu bahasa ibunda mereka. Bahasa ibunda atau bahasa pertama ini merujuk kepada bahasa yang dituturkan dan didedahkan oleh ibu bapa terhadap anak mereka. Menurut Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim, Rohaidah Kamaruddin & Ahmad Shuib Yahaya (2023), bahasa pertama adalah bahasa yang mula-mula sekali diperoleh dan dikuasai oleh seseorang sejak masih kanak-kanak, iaitu sebelum mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua. Sementara itu, bahasa kedua pula merupakan bahasa seseorang setelah mereka menguasai bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka. Merujuk perkara tersebut, penguasaan bahasa kedua diperoleh melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara formal (Zulkifley, Karim & Saadih, 2000). Justeru, gangguan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat bukan Melayu telah mengakibatkan kelemahan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dari segi komunikasi, menulis, mengarang, dan sebagainya. Tambahan pula, gangguan bahasa ibunda ini juga turut mempengaruhi pelajar bukan penutur jati kerana berpunca daripada persekitaran bahasa pelajar tersebut yang masih didominasi oleh bahasa ibunda mereka (Zamri Mahamod, 2007). Oleh itu, gangguan bahasa ibunda telah menyebabkan pelajar bukan penutur jati pada hari ini masih lagi tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan mengakibatkan mereka tidak dapat mengarang penulisan karangan dalam bahasa Melayu dengan baik. Menurut Norsimah, Nadzrah & Nor Hashimah (2012), pelajar bukan penutur natif ini mempunyai masalah dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Kesannya, pelajar bukan penutur jati tersebut akan melakukan pelbagai kesalahan dari segi struktur tatabahasa bahasa Melayu semasa mengarang seperti kesalahan morfologi, ejaan, dan tanda baca.

Justeru, kesalahan struktur tatabahasa seperti penggunaan tanda baca sering kali dilupakan oleh masyarakat sama ada penutur jati mahupun penutur bukan jati semasa mengarang sesebuah penulisan. Penggunaan tanda baca merupakan salah satu struktur tatabahasa bahasa Melayu yang penting dan perlu dikuasai dalam menghasilkan sesebuah penulisan bahasa Melayu. Tanda baca ini dibahagikan kepada 17 tanda baca seperti tanda koma, tanda noktah, tanda pisah, tanda sempang, dan sebagainya. Menurut Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali (2020), penguasaan penggunaan tanda baca adalah salah satu pengetahuan yang perlu diketahui oleh murid semasa menulis kerana tanda baca merupakan cara paling asas untuk memudahkan proses membaca informasi daripada hasil tulisan dan memahami penekanan pada tiap-tiap ayat yang ditulis oleh penulis. Menurut Gaya Dewan Edisi Keempat (2024) pula, menyatakan bahawa tanda baca ini adalah sama pentingnya dengan ejaan kerana kedua-duanya menentukan keberkesanan penyampaian mesej penulis kepada pembaca. Selain itu, penggunaan tanda baca yang tidak tepat juga akan mengelirukan pembaca. Oleh itu, kajian ini dilakukan supaya pelajar bukan penutur jati dapat mengetahui kesalahan penggunaan tanda baca yang dilakukan dan meningkatkan penguasaan mereka dalam penggunaan tanda baca yang betul dan tepat semasa mengarang penulisan karangan bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah penguasaan tatabahasa terutamanya penggunaan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu masih menjadi satu kelemahan dalam kalangan pelajar yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kehidupan seharian mereka. Melalui masalah ini, Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali (2020), menjalankan kajian tentang penggunaan tanda baca dalam penulisan karangan murid sekolah menengah di Daerah Tuaran, Sabah. Melalui dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa murid tersebut tidak menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul dalam penulisan karangan dan ini telah menyebabkan hasil karangan mereka sukar untuk dibaca. Kesalahan melakukan kesilapan dalam penulisan Melayu bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar penutur jati, namun kesalahan tersebut juga dialami oleh pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian daripada Hasanah Adon & Rozita Che Rodi (2021), yang menyatakan bahawa masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina khususnya di SJKC dikatakan amat membimbangkan dan telah menjadi isu nasional.

Melalui kajian daripada Elmy Maswandi, Wafiqah Asnola & Zulfadzlee Zulkiflee (2022) pula, menyatakan bahawa pelajar masih lemah dalam penguasaan rumus tatabahasa yang betul, serta belum

dapat menguasai fungsi tatabahasa, contohnya penggunaan huruf besar dan kecil, penggunaan tanda baca, penggunaan imbuhan, ayat majmuk, serta kata sendi nama. Tambahan pula, pelajar juga didapati menggunakan bahasa rojak dalam penulisan akademik, seperti penguasaan bahasa ibunda dan asing sehingga menyebabkan berlakunya percampuran bahasa.

Melalui pemerhatian, jelaslah bahawa masih terdapat isu dan kelemahan penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Situasi tersebut berlaku disebabkan oleh beberapa faktor dalam kalangan pelajar seperti gangguan bahasa ibunda. Namun demikian, kajian tentang aspek tatabahasa terutamanya penggunaan tanda baca dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di peringkat universiti di Malaysia masih kurang dijalankan. Kajian-kajian seperti Siti Rahayu Muhammad (2021) dan Hasanah Adon & Rozita Che Rodi (2021) lebih tertumpu melakukan kajian tentang penguasaan morfologi dalam kalangan murid di sekolah rendah manakala Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Mohd Arif (2021) pula melakukan kajian terhadap pelajar bukan penutur jati, iaitu pelajar antarabangsa yang tertumpu kepada penguasaan morfologi dan ortografi.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana penguasaan dari segi penggunaan tanda baca yang betul dan tepat merupakan suatu aspek penting yang perlu dikuasai oleh seorang pelajar sama ada pelajar penutur jati mahupun pelajar bukan penutur jati dalam menghasilkan sesebuah penulisan karangan bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali (2020) menjalankan kajian tentang penggunaan tanda baca koma dan noktah dalam karangan murid sekolah menengah di Daerah Tuaran, Sabah. Kajian ini dijalankan kerana penggunaan tanda baca sering dianggap sebagai satu kemahiran sekunder, iaitu kurang dititikberatkan oleh penulis dalam penulisan karangan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meneliti kepekaan murid tingkatan empat dalam menggunakan tanda baca noktah dan koma dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Merujuk perkara tersebut, sebanyak 70 hasil karangan murid daripada tiga buah sekolah dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan yang merujuk kepada "Buku Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem tanda baca (Ismail, 2015). Melalui dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid tersebut tidak menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul dalam penulisan karangan dan ini telah menyebabkan hasil karangan mereka sukar untuk dibaca. Tamsilnya, sebanyak 66 daripada 70 hasil karangan didapati tidak menggunakan tanda baca noktah dan koma dengan betul. Sehubungan itu, data kesalahan yang direkodkan adalah sebanyak 299 yang melibatkan 196 data kesalahan tanda baca koma, iaitu sebanyak (66%) manakala 103 data kesalahan untuk tanda noktah pula sebanyak (34%). Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa pelajar berkenaan tidak menitikberatkan penggunaan tanda baca koma dan noktah dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka.

Ana Mariana Purnamasari, Ina Magdalena & Asih Rosnaningsih (2019) pula menjalankan kajian tentang analisis penggunaan huruf kapital dan tanda baca pada paragraf deskriptif siswa kelas 4 SDN Binong II Kabupaten Tangerang. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesalahan siswa dalam menggunakan huruf kapital dan tanda baca pada paragraf deskriptif terhadap siswa kelas 4 SDN Binong II Kabupaten Tangerang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, iaitu mengkaji dan menganalisis data secara objektif sesuai dengan data yang ditemukan di lapangan. Data yang dikumpulkan dideskripsikan dalam bentuk perkataan. Melalui dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 49 tulisan siswa telah dianalisis, iaitu kesalahan dari segi penulisan huruf kapital adalah sebanyak 403 kesalahan manakala tanda baca pula pada paragraf deskriptif yang telah ditulis siswa adalah sebanyak 72 kesalahan. Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa siswa berkenaan melakukan kesalahan dari segi huruf kapital dan tanda baca pada paragraf deskriptif mereka.

Selain itu, Elmy Maswandi, Wafiqah Asnola & Zulfadzlee Zulkiflee (2022) menjalankan kajian tentang kesalahan bahasa dalam karangan bahasa Melayu pelajar menengah bawah di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini mendapati bahawa pelajar menengah bawah di Negara Brunei Darussalam masih lemah dalam penguasaan rumus tatabahasa yang betul, serta belum dapat menguasai fungsi tatabahasa.

Hal ini demikian kerana dipengaruhi oleh gangguan bahasa Dialek Melayu Brunei tersebut. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan bahasa dari aspek morfologi, semantik, dan ortografi dalam penulisan karangan pelajar menengah bawah di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menggunakan teknik analisis teks untuk menganalisis data bagi mengenal pasti kesalahan dan jumlah kekerapan kesalahan tatabahasa bahasa Melayu. Selain itu, data tersebut dianalisis dengan menggunakan pendekatan Taksonomi Kategori Linguistik (TKL) yang diperkenalkan oleh Burt, Dulay, dan Krashen (1982). Melalui dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 104 kesalahan tatabahasa yang dilakukan seperti kesalahan dari segi aspek ortografi, iaitu sebanyak 76 kesalahan (73%), yang meliputi kesalahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dan kesalahan penggunaan tanda baca, diikuti dengan kesalahan morfologi sebanyak 26 kesalahan (25%), dan kesalahan semantik sebanyak 2 (2%). Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar berkenaan masih lemah dalam penguasaan rumus tatabahasa yang betul dan belum dapat menguasai tatabahasa bahasa Melayu dengan baik disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda dan bahasa asing.

Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Mohd Arif (2021) pula menjalankan kajian tentang analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa dan mendapati bahawa pelajar bukan penutur jati berkenaan banyak melakukan kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kesalahan penggunaan tatabahasa dalam penulisan karangan pendek pelajar berkenaan dari aspek ortografi dan morfologi. Berdasarkan kajian ini, 26 pelajar antarabangsa dari negara China, Indonesia, Bangladesh, dan Mesir dijadikan sebagai sampel kajian dan menggunakan kaedah analisis teks. Dalam pada itu, bahan kajian, iaitu penulisan pendek pelajar berkenaan dianalisis dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Melalui dapatan kajian ini, mendapati pelajar antarabangsa berkenaan banyak melakukan kesalahan tatabahasa yang meliputi kesalahan morfologi, frasa, dan sintaksis dalam penulisan karangan mereka. Namun demikian, kajian ini hanya tertumpu terhadap kesalahan aspek morfologi dan ortografi. Justeru, hasil daripada analisis menunjukkan bahawa kesalahan ortografi yang dilakukan adalah sebanyak 143 kesalahan manakala kesalahan morfologi pula adalah sebanyak 275 kesalahan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, jelas menunjukkan pelajar berkenaan banyak melakukan kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan yang meliputi aspek kesalahan ortografi dan morfologi. Berhubungan perkara tersebut, kajian ini mendapati bahawa gangguan bahasa ibunda dan faktor latar belakang negara yang berbeza menjadi faktor yang mempengaruhi kesalahan tersebut dalam penulisan karangan mereka.

Seterusnya, Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis (2021) menjalankan kajian tentang masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini dijalankan untuk meneroka masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif, iaitu etnik Bajau dalam penulisan karangan bahasa Melayu di sekolah rendah. Seramai lapan orang guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu dipilih sebagai peserta kajian daripada lapan buah sekolah rendah yang terletak di Daerah Semporna, Sabah. Berdasarkan kajian ini, instrumen temu bual separa berstruktur digunakan dan data dianalisis secara bertema menggunakan perisian Atlas.ti 8.24 (Versi Mac). Melalui dapatan kajian ini, mendapati bahawa kemahiran bahasa Melayu yang paling sukar dikuasai oleh murid bukan penutur natif adalah kemahiran penulisan karangan. Murid berkenaan mempunyai masalah dalam aspek penjanaaan idea, aspek teknikal penulisan karangan, dan masalah penguasaan kosa kata yang terhad. Dalam pada itu, guru bahasa Melayu juga menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda, iaitu bahasa Bajau mempunyai pengaruh yang besar dalam penguasaan bahasa Melayu murid.

Akhir sekali, Farizah Hashim (2019) menjalankan kajian tentang pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima dan mendapati bahawa kecelaruan penggunaan bahasa Melayu murid adalah berpunca daripada media sosial yang dikhuatiri akan menjejaskan aspek tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid berkenaan. Justeru, faktor seperti gangguan bahasa, kurang latihan dan pendedahan pembelajaran dan pengajaran BM, serta pengaruh media sosial ini menjadi kekangan bagi pelajar berkenaan untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik, terutamanya dalam penulisan akademik yang meliputi aspek-aspek tatabahasa seperti sintaksis, morfologi, kosa kata, dan sebagainya.


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti jenis kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks, dan temu bual tidak berstruktur. Kaedah analisis teks ini digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan jenis kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Selain itu, temu bual tidak berstruktur juga digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Justeru, kajian ini memfokuskan terhadap pelajar bukan penutur jati Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dalam Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia sebagai sampel bukan rawak bertujuan. Kajian ini menggunakan sampel yang kecil, iaitu merujuk kepada 11 orang pelajar bukan penutur jati Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu Tahun 1 hingga 3 yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berlatarbelakangkan pelbagai kaum dan etnik. Seterusnya, bahan kajian diperoleh daripada 11 penulisan karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh pelajar bukan penutur jati. Tajuk karangan bahasa Melayu diedarkan kepada kesemua sampel berkenaan mengikut format soalan peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 1 Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2013 yang bertajuk “Amalan berbudi bahasa amat penting dan perlu menjadi budaya rakyat negara ini. Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk melahirkan generasi muda yang berbudi bahasa” dan panjangnya perlu ditulis antara 600 hingga 650 patah perkataan.

Kerangka Teori Kajian

Kajian ini akan mengenal pasti jenis kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dan pendekatan Gaya Dewan Edisi Keempat (2024). Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973), kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dalam pembelajaran bahasa kedua dapat dikategorikan kepada empat faktor tersebut melalui sesuatu penulisan, iaitu (i) **pengguguran unsur-unsur yang perlu**, (ii) **penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat**, (iii) **pemilihan unsur yang tidak tepat**, dan (iv) **penyusunan unsur yang salah**.

Rajah 1.0: Kerangka Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)



Selain itu, teori ini juga menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan dalam pembelajaran bahasa kedua berlaku disebabkan oleh pemindahan bahasa yang berkait rapat dengan gangguan bahasa ibunda. Menurut Corder (1971), gangguan bahasa ibunda ini berlaku apabila tabiat bahasa seperti bentuk bahasa, sistem bahasa, atau hukum bahasa pertama pelajar mengganggu atau menghalang pelajar daripada memperoleh bentuk, sistem, atau hukum bahasa kedua. Merujuk perkara tersebut, Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) ini akan memperlihatkan kesalahan bahasa sebagai bahasa *interlingual* yang berlaku disebabkan oleh pemindahan atau penterjemahan bahasa pertama kepada bahasa kedua. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti jenis-jenis kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam

penulisan karangan bahasa Melayu mereka berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dan pendekatan Gaya Dewan Edisi Keempat (2024), sekali gus dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesalahan tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan tentang hasil dapatan kajian. Sebanyak 11 sampel pelajar bukan penutur jati diminta untuk menulis sebuah penulisan karangan bahasa Melayu yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan. Tajuk karangan bahasa Melayu telah diedarkan kepada kesemua sampel berkenaan yang bertajuk “**Amalan berbudi bahasa amat penting dan perlu menjadi budaya rakyat negara ini. Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk melahirkan generasi muda yang berbudi bahasa**” dan tajuk tersebut mengikut format soalan peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 1 Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2013.

Jadual 1: Maklumat Sampel Kajian

Sampel	Tahun	Jantina	Kaum/Etnik
1	1	Perempuan	Iban
2	1	Lelaki	Iban
3	1	Perempuan	Iban
4	1	Perempuan	Cina
5	1	Perempuan	Cina
6	1	Perempuan	Cina
7	1	Perempuan	Cina
8	3	Lelaki	Bajau
9	3	Perempuan	Brunei
10	3	Lelaki	Cina
11	2	Perempuan	India

Jadual 1 menunjukkan 11 sampel pelajar bukan penutur jati yang terdiri daripada Tahun 1 hingga 3, iaitu merupakan pelajar Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dalam Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Sampel yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada jantina perempuan dan lelaki yang berlatarbelakangkan pelbagai kaum dan etnik seperti Cina, India, dan peribumi yang berasal dari Sarawak dan Sabah, iaitu Iban, Bajau, dan Brunei. Justeru, hasil daripada dapatan kajian ini telah mendapati bahawa 11 sampel pelajar bukan penutur jati tersebut telah melakukan pelbagai jenis kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka. Kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu adalah sebanyak 89 kesalahan tanda baca. Kesalahan tanda baca tersebut boleh dikategorikan kepada kesalahan tanda koma, tanda petik, dan tanda sempang.

Jenis Kesalahan Tanda Baca

Jadual 2: Jenis Kesalahan Tanda Baca

Bil.	Kesalahan	Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Tanda koma	54	60.67
2.	Tanda petik	19	21.34
3.	Tanda sempang	16	17.97
	Jumlah	89	100

Jadual 2 menunjukkan bahawa 11 sampel pelajar bukan penutur jati melakukan pelbagai jenis kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Pelajar bukan penutur jati tersebut telah melakukan

kesalahan penggunaan tanda baca sebanyak 89 kesalahan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Antara kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh 11 sampel tersebut adalah kesalahan dari segi tanda koma (,), tanda petik (“ ”), dan tanda sempang (-). Justeru, hasil kajian ini mendapati bahawa kesalahan tanda baca yang kerap dan tertinggi dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati adalah kesalahan dari segi tanda koma (,), iaitu sebanyak 54 kesalahan (60.67%), diikuti dengan tanda petik (“ ”), iaitu sebanyak 19 kesalahan (21.34%), dan seterusnya tanda sempang (-), iaitu sebanyak 16 kesalahan (17.97). Merujuk kepada jadual tersebut menunjukkan bahawa kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu adalah sebanyak 89 kesalahan dan kesalahan tanda koma merupakan kesalahan yang kerap dan tertinggi dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati tersebut. Hal ini telah mengakibatkan penulisan karangan bahasa Melayu mereka tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu yang betul dan tepat dari segi penggunaan tanda baca.

Dapatan kajian ini setara dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Anne Jeffrey Kihob dan Saidatul Normis Mahali (2020), yang menyatakan bahawa kebanyakan murid Sekolah Menengah Daerah Tuaran, Sabah melakukan kesalahan tanda baca sebanyak 299 kesalahan dalam penulisan karangan dan ini telah menyebabkan hasil karangan mereka sukar untuk dibaca. Melalui dapatan tersebut, kebanyakan murid melakukan kesalahan tanda koma, iaitu sebanyak sebanyak 196 kesalahan (66%) manakala bagi kajian ini pula, pelajar bukan penutur jati melakukan kesalahan tanda baca koma sebanyak 54 kesalahan (60.67%). Jelaslah bahawa kedua-dua dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar terutamanya pelajar bukan penutur jati melakukan kesalahan tanda koma sebagai kesalahan tertinggi dalam penulisan karangan dan ini menunjukkan bahawa pelajar bukan penutur jati masih lagi tidak menguasai penggunaan tanda baca yang betul dan tepat dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Kekerapan Kesalahan Penggunaan Tanda baca

Jadual 3: Kekerapan Kesalahan Penggunaan Tanda Baca

Sampel	Kekerapan Kesalahan Penggunaan Tanda Baca		
	Tanda koma (,)	Tanda petik (“ ”)	Tanda sempang (-)
1	7	3	5
2	5	-	5
3	1	2	1
4	7	1	-
5	1	1	1
6	4	3	1
7	6	2	1
8	6	2	-
9	7	2	-
10	3	1	2
11	7	2	-
Jumlah	54	19	16

Melalui jadual 3 ini mendapati bahawa 11 sampel pelajar bukan penutur jati melakukan pelbagai jenis kesalahan tanda baca, iaitu tanda koma, tanda petik, dan tanda sempang. Merujuk kepada jadual tersebut, menunjukkan bahawa kesalahan tanda koma merupakan kesalahan yang kerap dan tertinggi dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati, iaitu sebanyak 54 kesalahan (60.67%), diikuti dengan tanda petik sebanyak 19 kesalahan (21.34%), dan seterusnya tanda sempang sebanyak 16 kesalahan (17.97). Berdasarkan jadual 3 tersebut, mendapati bahawa pelajar bukan penutur jati yang melakukan kesalahan tertinggi bagi tanda koma ialah Sampel 1, 4, 9, dan 11, iaitu sebanyak 7 kesalahan dalam penulisan karangan bahasa Melayu, diikuti dengan Sampel 7 dan 8 sebanyak 6 kesalahan, serta Sampel 2, 6, dan 10, iaitu sebanyak 5, 4, dan 3 kesalahan. Manakala sampel yang melakukan kesalahan yang sedikit bagi tanda koma dalam penulisan karangan bahasa Melayu pula ialah Sampel 5, iaitu sebanyak 1 kesalahan.

Seterusnya, kesalahan tanda baca kedua tertinggi yang dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati adalah kesalahan tanda petik. Kajian ini mendapati bahawa sampel pelajar bukan penutur jati yang melakukan kesalahan tertinggi bagi tanda petik ialah Sampel 1 dan 6, iaitu sebanyak 3 kesalahan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Manakala Sampel 3, 4, 5, 7, 8, 9, dan 10, serta 11 menunjukkan kesalahan tanda petik sebanyak 2 dan 1 kesalahan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Selain itu, Sampel 2 pula menunjukkan tiada kesalahan yang dilakukan bagi tanda petik dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Sementara itu, kesalahan tanda baca yang paling rendah dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati adalah kesalahan tanda sempang. Kajian ini mendapati bahawa pelajar bukan penutur jati yang melakukan kesalahan yang tertinggi bagi kesalahan tanda baca sempang ialah Sampel 1 dan 2, iaitu sebanyak 5 kesalahan dalam penulisan karangan bahasa Melayu dan diikuti oleh Sampel 10, 3, 5, 6, dan 7, iaitu sebanyak 2 dan 1 kesalahan. Manakala Sampel 4, 8, 9, dan 11 pula tidak melakukan kesalahan tanda sempang dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Contoh Kesalahan Penggunaan Tanda Baca dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Jadual 4: Kesalahan Penggunaan Tanda Koma

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
1	...turut memupuk sifat empati, rendah diri dan saling menghormati.	...turut memupuk sifat empati, rendah diri, dan saling menghormati.
	...bahasa yang lebih halus, bersopan santun dan memahami nilai hormat...	...bahasa yang lebih halus, bersopan santun, dan memahami nilai hormat...
4	...seperti kempen budi bahasa, pertandingan pidato dan forum pelajar...	...seperti kempen budi bahasa, pertandingan pidato, dan forum pelajar...
	Tingkah laku yang buruk seperti merokok, mencarut dan bercakap kasar...	Tingkah laku yang buruk seperti merokok, mencarut, dan bercakap kasar...

Jadual 4 menunjukkan contoh penulisan karangan bahasa Melayu pelajar bukan penutur jati. Berdasarkan contoh penulisan tersebut, menunjukkan bahawa Sampel 1 dan 4 tidak meletakkan tanda koma pada ayat tersebut dalam penulisan karangan mereka. Merujuk contoh penulisan karangan tersebut, Sampel 1 tidak meletakkan tanda baca koma pada ayat “...turut memupuk sifat empati, rendah diri dan saling menghormati.” dan “...bahasa yang lebih halus, bersopan santun dan memahami nilai hormat...”. Sampel 1 tersebut tidak meletakkan tanda koma selepas frasa “rendah diri” dan “bersopan santun”, iaitu sebelum perkataan “dan” dalam ayat tersebut. Selain itu, Sampel 4 juga tidak meletakkan tanda koma pada ayat “...seperti kempen budi bahasa, pertandingan pidato dan forum pelajar...” dan “Tingkah laku yang buruk seperti merokok, mencarut dan bercakap kasar...”. Sampel 4 tersebut tidak meletakkan tanda koma selepas frasa “pertandingan pidato” dan “mencarut”, iaitu sebelum perkataan “dan” dalam ayat tersebut. Oleh hal yang demikian, penggunaan tanda koma mestilah diletakkan selepas keempat-empat frasa berkenaan sebelum perkataan “dan” dalam ayat tersebut kerana untuk memisahkan kata atau frasa yang berurutan. Menurut Gaya Dewan Edisi Keempat (2024), tanda koma ini berfungsi sebagai unsur pemisah, iaitu memisahkan unsur kata dan frasa yang berlainan. Justeru, tanda koma pada ayat tersebut mestilah digunakan sebelum perkataan “dan” untuk berfungsi sebagai unsur pemisah bagi memisahkan unsur yang diikuti oleh unsur kata yang bukan dalam kumpulan sama. Sehubungan itu, penggunaan tanda koma yang betul dalam penulisan karangan bahasa Melayu adalah seperti jadual 4.

Jadual 5: Kesalahan Penggunaan Tanda Petik

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
1	...pencipta kandungan di Youtube dan Tiktok...	...pencipta kandungan di “Youtube dan Tiktok”...
6	...khususnya melalui platform seperti Youtube, Instagram dan Tiktok.	...khususnya melalui platform seperti “Youtube, Instagram, dan Tiktok”.

Jadual 5 menunjukkan contoh penulisan karangan bahasa Melayu pelajar bukan penutur jati. Berdasarkan contoh penulisan tersebut, menunjukkan bahawa Sampel 1 dan 6 tidak meletakkan tanda petik pada ayat tersebut dalam penulisan karangan mereka. Merujuk contoh penulisan karangan tersebut, Sampel 1 dan 6 tidak meletakkan tanda petik pada ayat “...pencipta kandungan di Youtube dan Tiktok...” dan “...khususnya melalui platform seperti Youtube, Instagram dan Tiktok.”. Penggunaan tanda petik ini mestilah diletakkan sebelum perkataan “Youtube” dan selepas perkataan “Tiktok”. Hal ini demikian kerana perkataan seperti “Youtube, Instagram, dan Tiktok” merupakan perkataan atau istilah khusus daripada bahasa Inggeris dan mestilah diletakkan tanda petik untuk mengapit istilah khusus. Hal ini demikian kerana tanda petik ini digunakan sebagai penanda untuk mengapit huruf, angka, simbol, istilah khusus atau kata untuk tujuan khusus (Gaya Dewan Edisi Keempat, 2024). Oleh itu, Sampel 1 dan 6 mestilah meletakkan tanda petik pada ayat berkenaan dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka. Sehubungan itu, penggunaan tanda petik yang betul dan tepat dalam penulisan karangan bahasa Melayu adalah seperti Jadual 5.

Jadual 6: Kesalahan Penggunaan Tanda Sempang

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
1	...nilai-nilai murni seperti sopan santun, hormat-menghormati dan penggunaan bahasa yang baik...	...nilai-nilai murni seperti sopan-santun, hormat-menghormati, dan penggunaan bahasa yang baik...
	...bahasa yang lebih halus, bersopan santun dan memahami nilai hormat...	...bahasa yang lebih halus, bersopan-santun, dan memahami nilai hormat...
2	Sikap sopan santun dan bertutur...	Sikap sopan-santun dan bertutur...
	...sinonim dengan kesantunan dan lemah lembut.	...sinonim dengan kesantunan dan lemah-lembut.

Jadual 6 menunjukkan contoh penulisan karangan bahasa Melayu pelajar bukan penutur jati. Berdasarkan contoh penulisan tersebut, menunjukkan bahawa Sampel 1 dan 2 tidak meletakkan tanda sempang pada ayat tersebut dalam penulisan karangan mereka. Merujuk contoh penulisan karangan tersebut, Sampel 1 tidak meletakkan tanda sempang pada ayat “...nilai-nilai murni seperti sopan santun, hormat-menghormati dan penggunaan bahasa yang baik...” dan “...bahasa yang lebih halus, bersopan santun dan memahami nilai hormat...”. Pada kedua-dua ayat tersebut, Sampel 1 tidak meletakkan tanda sempang pada frasa “sopan santun” dan “bersopan santun”. Selain itu, Sampel 2 juga tidak meletakkan tanda sempang pada ayat “Sikap sopan santun dan bertutur...” dan “...sinonim dengan kesantunan dan lemah lembut.”. Pada kedua-dua ayat tersebut, Sampel 2 tidak meletakkan tanda sempang pada frasa “sopan santun” dan “lemah lembut”. Oleh hal yang demikian, penggunaan tanda sempang mestilah diletakkan di antara frasa “sopan santun”, “bersopan santun” dan “lemah lembut”. Hal ini demikian kerana tanda sempang ini berfungsi sebagai penanda yang merangkaikan kata ulang dan kata ganda (Gaya Dewan Edisi Keempat, 2024). Sehubungan itu penggunaan tanda sempang yang betul dan tepat dalam penulisan karangan bahasa Melayu adalah seperti Jadual 6.

Secara umumnya, kajian ini telah mendapati bahawa 11 sampel pelajar bukan penutur jati Tahun 1 hingga 3 melakukan pelbagai jenis kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, mendapati bahawa kesalahan tanda baca yang paling tinggi dan

kerap dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati Tahun 1 hingga 3 yang terdiri daripada perempuan dan lelaki adalah kesalahan tanda koma, iaitu sebanyak 54 kesalahan (60.67%). Seterusnya, kesalahan kedua tertinggi adalah kesalahan tanda petik, iaitu sebanyak 19 kesalahan (21.34%), dan paling rendah adalah kesalahan tanda sempang, iaitu sebanyak 16 kesalahan (17.97%). Jika dilihat berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973), mendapati bahawa 11 sampel pelajar bukan penutur jati tersebut melakukan pengguguran unsur-unsur yang perlu, iaitu menghilangkan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka seperti tanda koma, tanda petik, dan diikuti oleh tanda sempang. Menurut Gaya Dewan Edisi Keempat (2024) pula, menyatakan bahawa penggunaan tanda baca ini sama pentingnya dengan ejaan kerana kedua-duanya menentukan keberkesanan penyampaian mesej penulis kepada pembaca manakala penggunaan tanda baca yang tidak tepat pula akan mengelirukan pembaca. Oleh itu, penggunaan tanda baca ini mestilah digunakan secara tepat dan betul tanpa melakukan kesalahan dari segi penggunaannya ketika menulis sebuah karangan bahasa Melayu.

Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu adalah disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda dan pengaruh media sosial. Gangguan bahasa ibunda dan pengaruh media sosial merupakan faktor yang mempengaruhi kesalahan tanda baca tersebut dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka. Oleh itu, kesalahan tanda baca seperti tanda koma, petik, dan sempang tersebut telah memperlihatkan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu terutamanya dari segi penggunaan tanda baca dalam kalangan pelajar bukan penutur jati tersebut masih kurang memuaskan. Disebabkan itu, 11 sampel pelajar bukan penutur jati tersebut telah melakukan pelbagai jenis kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka walaupun mengikuti program Bachelior Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu.

RUMUSAN

Penggunaan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu bukan sahaja perlu dititikberatkan oleh pelajar penutur jati, namun juga pelajar bukan penutur jati yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini demikian kerana tanda baca merupakan salah satu aspek yang penting dalam struktur tatabahasa bahasa Melayu. Justeru, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat dapat menentukan keberkesanan penyampaian mesej penulis kepada pembaca manakala penggunaan tanda baca yang tidak tepat pula akan mengelirukan pembaca. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah mengenal pasti jenis kesalahan tanda baca yang terdapat dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar bukan penutur jati, iaitu tanda koma, tanda petik, dan tanda sempang yang dianalisis berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dan pendekatan *Gaya Dewan Edisi Keempat* (2024). Berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut, mendapati bahawa kesalahan tanda koma merupakan kesalahan yang kerap dan tertinggi dilakukan oleh 11 sampel pelajar bukan penutur jati. Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973), 11 sampel pelajar bukan penutur jati tersebut melakukan pengguguran unsur-unsur yang perlu, iaitu menghilangkan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka seperti tanda koma, tanda petik, dan diikuti oleh tanda sempang. Selain itu, gangguan bahasa ibunda dan pengaruh media sosial juga menjadi faktor yang mempengaruhi kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Dengan itu, kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat meningkatkan penguasaan dan pengetahuan berkaitan tanda baca dalam kalangan pelajar penutur jati dan bukan penutur jati. Hal ini demikian kerana, penguasaan dan pengetahuan berkaitan penggunaan tanda baca yang betul dan tepat dapat menghasilkan sesebuah penulisan karangan bahasa Melayu yang baik dan membantu pelajar untuk tidak melakukan kesalahan tanda baca pada masa akan datang.

RUJUKAN

Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi: Error Analysis in Second Student Writing from Morphological Aspects. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.

- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah Murid Etnik Bajau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Majmuah Enterprise*. 4(3), 26-36.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Corder (1973): Prefix and Suffix Error among Tamil National Type School Pupils According the Theory of Error Analysis by Corder (1973). *International Journal of Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Ana Mariana Purnamasari, Ina Magdalena & Asih Rosnaningsih. (2019). Analisis Penggunaan Huruf Kapital dan Tanda Baca pada Paragraf Deskriptif Siswa Kelas 4 SDN Binong II Kabupaten Tangerang. *Indonesian Journal of Elementary Education (IJOEE)*, 1(1).
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali Mahali. (2020). Penggunaan Tanda Baca Koma dan Noktah dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Deleted Journal*, 2(2), 1–17.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). *Gaya Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani. (2018). Analisis kesalahan penggunaan huruf kapital dan tanda baca pada karangan sederhana siswa kelas III SDN II Kelapa Dua Kabupaten Tangerang. *Jurnal Pendidikan Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia*. 7(1), 13-24
- Elmy Maswandi, Wafiqah Asnola, & Zulfadzlee Zulkiflee. (2022). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Menengah Bawah di Negara Brunei Darussalam. *Melayu/Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 261–282.
- Eva Natasha Sadali. (2021). Akta Pendidikan Peruntukkan Bahasa Melayu Bahasa Pengantar Utama. *Harakahdaily*.
- Farizah Hashim, Adenan Ayob & Mohd Rosli Saludin. (2018). Pengaruh Media Sosial Terhadap Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 53-76.
- Hasanah Adon & Rozita Che Rodi. (2021). Penguasaan Morfologi Pelajar Cina dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Tahap 2 di Daerah Asajaya. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 45–53.
- Jabatan Penerangan Malaysia (2017). Bahasa Rasmi. *MyGovernment*.
- Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 113-127.
- Osman Zaini. (2023). Fungsi Bahasa Melayu Masa Kini. *WadahDBP*.
- Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim, Rohaidah Kamaruddin & Ahmad Shuib Yahaya. (2023). Sebutan Kosa Kata Bahasa Pertama Kanak-Kanak Speech Delay Melalui Analisis Linguistik Klinikal: First Language Vocabulary Pronunciation of Speech Delay Children through Clinical Linguistics Analysis. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(2), 83-93.
- Siti Nur Aisah, Sukardi & Aldora Pratama. (2023). Analisis Kesalahan Penulisan Huruf Kapital dan Tanda Baca pada Karangan Sederhana Kelas III SD . *Didaktik : Jurnal Ilmiah PGSD STKIP Subang*, 9(3), 293 - 300.
- Siti Rahayu. (2021). Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam.
- Sivaneswary Sivaratanam. (2019). Penguasaan Golongan Kata dalam Kalangan Murid SJKT. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 1-24.
- Vijayaletchumy Subramaniam, Zuraini Jusoh, Chew Fong Peng & Siva Perumal. (2024). *Penulisan Sorotan Kajian dengan Kaedah Matriks*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.